
Bahagian A
[*30 markah*]
[Masa dicadangkan : 30 minit]

Soalan ini **mesti** *dijawab.*

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan sungai.
*Berdasarkan maklumat tersebut***,** *huraikan pendapat anda tentang* **sungai di negara kita**.
Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**







Bahagian B

[70 *markah*]
[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Bahagian ini mengandungi **empat** *soalan. Jawab* **satu** *soalan.*

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara **350 hingga 500 patah perkataan**.

1. Permainan tradisional dapat ditakrifkan sebagai permainan budaya yang sudah diamalkan oleh masyarakat untuk satu tempoh tertentu. Namun begitu, permainan ini semakin dipinggirkan terutamanya oleh generasi muda. Oleh itu, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara telah menganjurkan Festival Permainan Tradisional pada peringkat kebangsaan agar permainan ini sentiasa terpelihara dan tidak hilang ditelan zaman.

   Sumber : *Berita Harian*

   Jelaskan usaha yang terdapat dalam petikan di atas berserta usaha-usaha lain untuk mempopularkan warisan budaya tersebut.

2. Kementerian Pendidikan (KPM) mencatatkan 6,208 kes buli melibatkan murid hingga Oktober 2024 berbanding 6,528 kes pada tahun sebelumnya. Kesan buli itu sangat besar dan bukan hanya akan menjejaskan fizikal malah mungkin merosakkan mental mangsa. Kadangkala, kesan buli terhadap individu membawa kepada impak yang lebih buruk seperti meningkatkan risiko untuk mencederakan atau cubaan membunuh diri. Disebabkan itu, kita semua perlu mengambil tahu dan lebih peduli akan individu yang terdedah dengan buli.

   Sumber: Internet

   Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kesan-kesan gejala sosial berkenaan.

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 *markah*]

SOALAN 1 : MORFOLOGI

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti **kata dasar bagi perkataan yang bergaris** dalam petikan. *Kemudian,* **bina satu ayat sendiri** *daripada setiap kata dasar tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Satu daripada dasar utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dasar Pendidikan Kebangsaan memberikan fokus kepada pembangunan kemahiran abad ke-21 dan pengintegrasian teknologi dalam kurikulum. Dasar ini memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan institusi pendidikan mengadaptasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Seiring dengan kemajuan teknologi global, Dasar Pendidikan Digital dirangka untuk memastikan sistem pendidikan kekal relevan, dinamik dan mampu memenuhi keperluan masa hadapan.

Dipetik daripada
'Transformasi Pendidikan Digital Memacu Ekosistem Dasar Pendidikan Digital Negara'
oleh Dr. Sharifah Shahadania Syed Hassan,
Dewan Siswa, Bil. 07/2025

[8 *markah*]

SOALAN 2 : SINTAKSIS

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti ***tiga ayat majmuk kemudian pisahkan ayat-ayat majmuk menjadi enam ayat tunggal*** *tanpa mengubah maksud asalnya.*

Golongan siswa pada masa ini berhadapan pelbagai cabaran dalam kehidupan mereka. Perubahan cara hidup hasil daripada penggunaan teknologi memberikan banyak manfaat kepada siswa walaupun terdapat segelintir siswa yang lalai menggunakan kemudahan teknologi ini. Hal ini dikatakan demikian kerana ledakan teknologi banyak mempengaruhi perubahan terhadap cara hidup siswa. Siswa pada masa ini seharusnya bersedia dan berdaya tahan dalam mengharungi rintangan mempertahankan kesejahteraan negara. Perkara ini adalah penting dalam kehidupan siswa supaya mereka dapat memperkasa jati diri dalam menghadapi cabaran akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Peranan Siswa dalam Meraih Kecemerlangan Akademik'
oleh Hafizah Marzuki,
Dewan Siswa, Bil. 07/2025

[6 *markah*]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Dalam petikan 1, terdapat **enam kesalahan bahasa***, manakala petikan 2 terdapat* **lima kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Bahan 1

Apabila pengunjung masuk ruang gerai dan menjengah di dalam Program Budaya @ Komuniti, di Pulau Tawar, Jerantut, suasananya seakan-akan di era sebelum negara merdeka apabila kebanyakkan pengunjung dan penjual berpakaian Melayu lama serta banyak makanan tradisional Melayu termasuk kuih-muih dijual di situ.

Lebih menceriakan, peniaga memasak sambal hitam belimbing, patin tempoyak, goreng pisang panas dan pelbagai kuih tradisional Melayu yang jarang ditemui untuk dijual kepada pengunjung. Acara yang diatur cukup signifiken mengembalikan warisan sejarah dan kehidupan sosial masyarakat sebelum merdeka yang perlu generasi kini teladani.

Dipetik dan diubah suai daripada
'10 000 Pengunjung Teruja 'Kembali' Ke Pasar Ala Zaman Pahlawan Melayu'
oleh Haris Fadilah Ahmad,
Utusan Malaysia, Julai 2025.

[6 *markah*]

Bahan 2

Pelbagai langkah pro-aktif telah dilakukan untuk menangani permasalahan yang sedang melanda ini. Setiap golongan masyarakat, syarikat-syarikat swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) turut mengambil inisiatif untuk memutuskan rantai wabak ini. Beberapa buah hotel telah dijadikan pusat kuarantin. Malah, terdapat hotel di Cyberjaya yang memberikan perkhidmatan sebagai pusat kuarantin pada individu yang baru pulang dari negara luar. Kementerian Kesihatan juga telah membuat persiapan bagi menghadapi kemungkinan menular wabak yang lebih serius.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Penularan Covid-19 Perlu Ditangani Secara Serius'
oleh Professor Datuk ChM Dr. Taufiq Yap Yun Hin,
Universiti Malaysia Sabah (UMS)

[5 *markah*]

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan kesan-kesan amalan rasuah.

[2 *markah*]

(ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan usaha-usaha untuk membanteras amalan rasuah yang semakin berleluasa.

[3 *markah*]

(iii) Amalan rasuah merupakan satu bentuk jenayah yang memberi implikasi negatif terhadap integriti seseorang. Walaupun pelbagai langkah pencegahan telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa, namun amalan ini masih berleluasa.

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor seseorang itu terlibat dengan amalan rasuah?

[3 *markah*]

(iv) Anda menumpang motosikal rakan untuk pulang ke rumah. Ketika dalam perjalanan, rakan anda telah ditahan oleh pihak polis kerana tidak memiliki lesen memandu. Anda melihat sendiri rakan tersebut menghulurkan sejumlah wang kepada anggota polis yang menahannya dengan harapan agar terlepas daripada dikenakan saman.

Sebagai seorang rakan, apakah tindakan-tindakan yang akan anda ambil untuk mengubah sikap rakan anda?

[4 *markah*]

Bahan 2

Pantun Kenangan Silam

Bawa pengat mudik ke hulu,
Hendak makan bersama kakak;
Masih kuingat zaman dahulu,
Bersama rakan bermain congkak.

Nasi disaji berulam pegaga,
Berlauk kelah bergulai kawah;
Bermain dam aji seisi keluarga,
Sambil bermain merapatkan ukhuwah.

Merpati terbang di tepi kali,
Di dahan jambu merpati berehat;
Adik dan abang bermain guli,
Ayah dan ibu duduk melihat.

Banyak kulat di atas pelantar,
Ikan puyu di dalam paya;
Gasing bulat ligat berputar,
Bermain bersama kekal budaya.

Iffah Aliah,
Shah Alam

Bahan 3

Syair Pesan Ibu

Dengarlah anakku ibu berpesan,
Riadah dan sukan janganlah bosan,
Kesibukan kerja bukan alasan,
Agar hidupmu sihat berwawasan.

Ayuh anakku banyakkan riadah,
Agar hidupmu menjadi mudah,
Jika kesihatan tidak diendah,
Penyakit hinggap pasti kaugundah.

Kesihatan itu pelindung diri,
Bagaikan kebun berpagar duri,
Rekreasi dan riadah setiap hari,
Badan kausihat tanpa sedari.

Lakukan riadah setiap masa,
Perkara yang sukar menjadi biasa,
Tiba waktu kau pasti selesa,
Hidupmu ceria juga sentosa.

B.Liana, 2016

SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A :

Kehendak Soalan: *Pendapat tentang kepentingan sungai*

1. Murid perlu menghuraikan kepentingan sungai
2. Murid perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, atau idea sampingan atau sebagai contoh.
3. Sekiranya murid menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan kepentingan sungai - **Tanda Seperti Biasa**
4. Sekiranya murid tidak menyentuh semua bahan - **Maksimum Kepujian**
5. Jika murid menulis lebih daripada 210 patah perkataan atau hingga ayat terakhir – **Maksimum Kepujian**
6. Jika murid menulis kurang daripada 140 patah perkataan – **Maksimum Memuaskan**

CADANGAN ISI (2 isi dihuraikan)

- Habitat hidupan air
- Sumber air bersih

Bahagian B
[70 *markah*]
[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Bahagian ini mengandungi **empat** *soalan. Jawab* **satu** *soalan.*

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara **350 hingga 500 patah perkataan**.

1. Permainan tradisional dapat ditakrifkan sebagai permainan budaya yang sudah diamalkan oleh masyarakat untuk satu tempoh tertentu. Namun begitu, permainan ini semakin dipinggirkan terutamanya oleh generasi muda. Oleh itu, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara telah menganjurkan Festival Permainan Tradisional pada peringkat kebangsaan agar permainan ini sentiasa terpelihara dan tidak hilang ditelan zaman.

   Sumber : *Berita Harian*

   Jelaskan usaha yang terdapat dalam petikan di atas berserta usaha-usaha lain untuk mempopularkan warisan budaya tersebut.

SKEMA JAWAPAN

Fokus Soalan : Usaha-usaha mempopularkan permainan tradisional.

1. Murid menghuraikan usaha daripada stimulus dan menambah usaha-usaha lain – **Layak Cemerlang**
2. Sekiranya murid tidak menyentuh usaha dalam stimulus dan menambah usaha-usaha lain - **Maksimum Kepujian.**
3. Sekiranya murid menghuraikan satu usaha sahaja – **Maksimum Baik.**
4. Sekiranya murid menghuraikan selain daripada usaha mempopularkan permainan tradisional – **Maksimum Penguasaan Minimum.**

Cadangan isi

- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara telah menagnjurkan Festival Permainan Tradisional **(dalam stimulus)**
- Media massa menguar-uarkan permainan tradisional melalui surat khabar, radio, Internet dan televisyen
- Ibu bapa memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak
- Kerajaan mengadakan Kempen Cintai Permainan Tradisional
- Pihak sekolah menganjurkan kelab permainan tradisional

Suka sampel ini?

Kertas Trial SPM

Bahasa Melayu (25+ set)

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX online banking · download serta-merta